



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/06/36 (HQ)

### IKLAN RAYA TNB DITONTON 19 JUTA KALI

Iklan raya TNB tahun ini, yang penuh dengan babak dramatik dan lucu, berjaya mencuit hati netizen dengan hampir 19 juta tontonan setakat ini di pelbagai platform media sosial sejak pelancarannya 23 Mei lalu.

Bertajuk “Konvoi Epik Fantastik”, ia memaparkan telatah Nabila dan keluarga besarnya berkonvoi sehari suntuk menyambut raya ke semua sepuluh rumah adik beradik Tok Wannya.

Sepanjang perjalanan itu, dipaparkan pelbagai babak lucu serta mencuit nostalgia mereka yang pulang ke kampung meraikan Syawal.

Berdurasi lebih empat minit, iklan raya TNB kali ini memaparkan pemandangan indah negeri Perlis sepanjang perjalanan konvoi keluarga Nabila beraya.

Ia menerima pujian netizen yang terhibur dengan keletah Nabila dan keluarganya. Iklan ini menonjolkan tradisi kunjung mengunjungi sebagai usaha memanjangkan silaturrahim dan mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama kita.

Sila layari [www.youtube.com/tenagaofficial](https://www.youtube.com/tenagaofficial) untuk menonton di sebalik tabir pembikinan iklan raya TNB 2019, #KonvoiEpikFantastik.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 3 Jun 2019, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*